

# Ewon, Joachim salur dana penulisan

Oleh HENRY BATING

► *Untuk buku bertajuk 'Bundu Tuhan: Sejarah dan Masyarakat'*



**JOHNNY** menyampaikan dana penyelidikan kepada Budi (kiri) yang turut disertai Nelson (kanan).

**RANAU:** Dua wakil rakyat berasal dari Kg Bundu Tuhan menyalurkan dana penulisan buku bertajuk 'Bundu Tuhan: Sejarah dan Masyarakat' yang penyelidikan dan penulisannya dikendalikan sekumpulan tenaga akademik dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dana penyelidikan itu disumbangkan oleh Datuk Dr Ewon Ebin dan Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Ewon yang juga Ahli Parlimen Ranau adalah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi manakala Joachim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kundasang merupakan Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

"Kita amat menghargai usaha yang dilakukan oleh institusi pengajian tinggi setempat khususnya UMS untuk menjalankan penyelidikan terutamanya di kawasan Parlimen Ranau," kata Johnny Samin.

Johnny yang juga Ketua Pegawai Perhubungan Parlimen Ranau, ketika mewakili Ewon dalam majlis penyerahan dana itu, berkata pihaknya amat mengalu-alukan penyelidikan yang dapat membantu masyarakat setempat melestarikan

warisan sosio-budaya demi kelangsungan pembangunan penduduk berkaitan pada masa hadapan.

Pada majlis ringkas di Pejabat Perhubungan Ahli Parlimen Ranau, beliau menyampaikan sebahagian dana penyelidikan RM5,000

sumbangan Ewon yang diterima oleh Budi Anto Mohd Tamring mewakili Dekan PPIB Prof Dr Vincent Pang.

Sebahagian lagi dana penyelidikan disalurkan oleh Joachim bagi pihak Bundu Tuhan Graduate Society

(BTGC) untuk menyiapkan penyusunan kandungan buku itu yang sudah bermula pada September 2013 dan dijadual siap September tahun ini.

Turut hadir dua kakitangan PPIB UMS iaitu Nelson Justin Adeg dan Eveny Joseph.